



Perjuangan al-Raissouni Mempromosikan Maqasid Syariah

Mohd Shahrizal Nasir

Pensyarah Pusat Pengajian Bahasa Arab,
Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin

“Pada waktu senang dan aman, tidak mengapa untuk penceramah dan pentazkirah berbicara. Akan tetapi, ketika bencana dan ujian, hak untuk berbicara hendaklah diberikan kepada para fuqaha dan pakar dalam sesuatu bidang.” (Al-Raissouni).



Sebelum ini, nama al-Raissouni mungkin tidak sepopuler nama al-Qaradawi dalam kalangan rakyat Malaysia. Namun begitu, segala-galanya berubah apabila al-Raissouni dilantik menyandang jawatan Presiden Kesatuan Ulama Islam Sedunia pada 7 November 2018. Beliau telah memperoleh undian tertinggi, iaitu 93.4 peratus mengatasi barisan calon presiden yang lain sehingga melayakkan dirinya menyandang jawatan tersebut menggantikan tokoh ulama terkenal, Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradawi. Pemilihan al-Raissouni berlangsung bersempena dengan Muzakarah Tahunan Kesatuan Ulama Islam Sedunia yang diadakan selama tiga hari di Istanbul, Turki.

Dr. Ahmed bin Abdulsalam al-Raissouni dilahirkan di wilayah Larache, yang terletak di utara Maghribi pada tahun 1953. Ulama dari Maghribi ini memperoleh ijazah sarjana muda pada tahun 1978 daripada Fakulti Syariah, Universiti al-Qarawiyyin di Fez, Maghribi. Beliau juga berjaya menamatkan pengajian lepasan ijazahnya di Fakulti Sastera dan Sains Kemanusiaan, Universiti Mohammed V, Rabat, dengan menerima sijil pengajian tinggi universiti pada tahun 1986, diploma pengajian tinggi (sarjana) dalam bidang Maqasid Syariah pada tahun 1989, dan ijazah doktor falsafah dalam bidang Usul Fiqah pada tahun 1992.

Pencapaian akademik yang cemerlang menjadikan al-Raissouni seorang ilmuwan yang hebat, khususnya dalam kajian berkaitan dengan maqasid syariah. Beliau pernah berkhidmat sebagai profesor dalam bidang Usul Fiqah dan Maqasid Syariah di Fakulti Sastera dan Sains Kemanusiaan di Universiti Mohammed V dan Pusat Hadis al-Hassaniah di Rabat dari tahun 1986 hingga 2006. Al-Raissouni juga pernah berkhidmat sebagai felo utama di Akademi Fiqah Islam Antarabangsa di Jeddah, sejak tahun 2006 bagi projek Ensiklopedia Zayed mengenai fiqh Islam dan usul fiqh. Beliau telah dilantik sebagai timbalan pengarah projek, dan kemudian sebagai pengarah hingga akhir tahun 2012.

Pada peringkat pengajian tinggi pula, al-Raissouni dilantik sebagai profesor pelawat di Universiti Zayed di Emiriah Arab Bersatu (UAE), Universiti Hamad bin Khalifa di Qatar, dan terkini di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu, Malaysia. Usaha UniSZA melantik al-Raissouni sebagai profesor pelawat di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam merupakan langkah untuk memartabatkan institusi pengajian ilmu menerusi penglibatan langsung ulama tersohor kontemporari. Hal ini bukan sahaja kerana al-Raissouni ialah Presiden Kesatuan Ulama Islam Sedunia, malah lebih penting lagi beliau merupakan

ilmuwan Islam yang dilihat terkehadapan dalam usaha merungkaikan isu-isu kontemporari yang melibatkan umat Islam sejagat. Penyelesaian isu tersebut diulas dengan amat baik oleh al-Raissouni berlandaskan perspektif maqasid syariah.


Rentetan daripada pelantikan al-Raissouni sebagai profesor pelawat di UniSZA, beliau telah memulakan lawatan sulungnya ke universiti tersebut bermula pada 25 Disember 2019 hingga 9 Januari 2020. Menurut Naib Canselor UniSZA, Profesor Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan dalam satu kenyataan sempena lawatan al-Raissouni ke UniSZA, usaha dan persiapan untuk mengundang al-Raissouni ke UniSZA mengambil masa kira-kira enam bulan memandangkan jadual beliau yang padat.

Keberadaan al-Raissouni di UniSZA telah dimanfaatkan sepenuhnya dengan penganjuran program bercorak diskusi ilmiah bagi faedah warga universiti dan masyarakat setempat. Antara program sepanjang lawatan al-Raissouni ke UniSZA termasuklah Program Tausiyah dan Penyampaian Khutbah Jumaat di Masjid UniSZA; Majlis Bersama Pengurusan, Ahli Senat dan Kepimpinan UniSZA; Kuliah Khas kepada Warga UniSZA bertajuk "Maqasid Syariah dalam Kesejahteraan Hidup"; Wacana Usul Fiqah; Wacana Mahasiswa Siswazah UniSZA; serta beberapa sesi mesyuarat dan pertemuan bersama-sama warga Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UniSZA.

Inti pati pengisian al-Raissouni dalam siri perkongsian di UniSZA berlegar sekitar topik maqasid syariah. Hal ini menyerlahkan lagi ketokohan al-Raissouni sebagai seorang ulama kontemporari yang berusaha memperkasakan pendekatan maqasid syariah dalam segenap aspek kehidupan umat Islam. Al-Raissouni sememangnya dikenali sebagai seorang pengkaji yang banyak memberikan fokus terhadap Usul Fiqah dan maqasid syariah, khususnya melibatkan pandangan Imam al-Syatibi.

Karya al-Raissouni yang memperincikan maqasid syariah telah diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa utama dunia, seperti bahasa Parsi, Urdu, Inggeris, Perancis, dan tidak ketinggalan bahasa Melayu. Hal ini secara langsung membuktikan bahawa idea, penjelasan dan pendekatan al-Raissouni berkenaan maqasid syariah diterima oleh ramai orang merentasi negara dan benua.

Fokus yang diberikan oleh al-Raissouni terhadap Imam al-Syatibi merupakan satu usaha yang amat tepat. Hal ini dikatakan demikian kerana Imam al-Syatibi merupakan seorang ilmuwan yang mempelopori perbahasan tentang maqasid syariah




Al-Raissouni menyampaikan khutbah Jumaat di Masjid Wilayah Persekutuan.



Al-Raissouni menghadiri program anjuran Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.



Al-Raissouni bergambar bersama-sama warga UniSZA selepas menyampaikan syarahan tentang maqasid syariah.



Al-Raissouni menyantuni para pelajar UniSZA selepas Program Tausiyah.

menerusi penghasilan kitabnya yang berjudul *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah*. Imam al-Syatibi telah menggagaskan ilmu maqasid syariah secara sistematik berserta perbahasan yang komprehensif sehingga pandangannya diambil kira sebagai titik tolak perkembangan ilmu tersebut oleh para ilmuwan lain. Secara ringkas, maqasid syariah dapat difahami sebagai satu kesatuan konsep meliputi tujuan, makna dan hikmah yang telah ditetapkan oleh Islam melibatkan hukum atau peraturan yang disyariatkan, serta hikmah di sebaliknya yang bertujuan untuk merealisasikan keperluan hidup manusia.

Selain itu, al-Raissouni menjelaskan bahawa umat Islam perlu terus menghargai khazanah keilmuan Islam yang terkandung dalam himpunan tulisan mereka (*kutub al-turath*). Penghargaan dalam konteks ini merujuk usaha berterusan untuk menggali khazanah keilmuan yang terdapat dalam kitab tersebut. Pada masa yang sama, umat Islam tidak boleh sama sekali mengetepikan kemunculan tulisan para ilmuwan kontemporari yang sebenarnya merupakan kesinambungan daripada ilmu para ilmuwan terdahulu. Menurut al-Raissouni, setiap ilmu Islam perlu dihubungkan kait dengan penemuan dan situasi semasa agar menjadi resipi dalam usaha menyelesaikan sebarang permasalahan umat. Jika hal ini tidak diberikan perhatian serius oleh umat Islam, maka ilmu Islam hanya akan menjadi satu daripada cabang ilmu sejarah.



“**Al-Raissouni dilihat sentiasa tekal menjelaskan keperluan umat Islam memahami maqasid syariah sebagai satu parameter atau kayu ukur terbaik dalam usaha menangani masalah umat Islam meliputi pelbagai sektor.**”

Oleh itu, antara cabaran yang perlu didepani oleh umat Islam termasuklah mengkaji kandungan al-Quran dan sunah, serta menghubungkannya dengan konteks semasa. Usaha ini amat perlu agar umat Islam sentiasa berada pada landasan yang betul meskipun diasak oleh pelbagai cabaran dunia semasa. Firman Allah SWT dalam al-Quran bermaksud, “(Al-Quran ini) sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad). Kitab yang banyak faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.” (*Surah Sad* 38:29).

Rasulullah SAW juga ada menjelaskan hal ini menerusi hadis Baginda yang bermaksud, “Aku tinggalkan kepada kalian dua perkara dan kalian tidak akan sesat selagi kalian berpegang dengannya, iaitu kitab Allah (al-Quran) dan sunah nabi-Nya (sunah Rasulullah).” (Hadis dinukilkan dalam kitab *al-Muwatta’* oleh Imam Malik, bab *al-Qadr*, no. 1602).

Lawatan al-Raissouni ke UniSZA juga dimanfaatkan oleh beberapa pihak dan institusi lain yang turut menjemput beliau untuk menyampaikan syarahan. Al-Raissouni telah mengadakan siri lawatan ke beberapa tempat, iaitu Universiti Selangor (UNISEL), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Masjid Wilayah Persekutuan, TV Alhijrah,

Jabatan Mufti Negeri Terengganu, Kesatuan Ulama Islam Sedunia Cawangan Malaysia dan Institut Pemikiran Islam Antarabangsa (IIIT). Dalam siri lawatan ini, al-Raissouni dilihat sentiasa tekal menjelaskan keperluan umat Islam memahami maqasid syariah sebagai satu parameter atau kayu ukur terbaik dalam usaha menangani masalah umat Islam meliputi pelbagai sektor, termasuk pemerkasaan pendidikan, isu hak asasi manusia, pembangunan ekonomi, urus tadbir negara, amalan berpolitik, penjagaan alam sekitar, serta tadbir urus institusi kewangan dan perbankan.

Dalam sektor pendidikan, al-Raissouni secara terang mengiktiraf sistem pendidikan tinggi Malaysia yang bertaraf antarabangsa. Pengiktirafan ini berdasarkan pengamatannya apabila kualiti pendidikan, pengajian siswazah dan segala hasil penyelidikan Malaysia telah dijadikan contoh terbaik bukan sahaja kepada negara Islam, malah juga negara Barat. Malah menurut al-Raissouni, kerajaan Maghribi telah membuat ketetapan untuk menjadikan sistem pendidikan tinggi di Malaysia sebagai model bagi membangunkan bidang pendidikan tinggi di sana.

Al-Raissouni menyatakan bahawa negara Malaysia turut dikagumi oleh banyak negara Islam di dunia kerana kejayaan membangunkan hubungan sosial, politik dan sistem demokrasi dalam kehidupan masyarakat majmuk. Semua ini merupakan petanda kejayaan Malaysia menjadi sebuah negara Islam yang wajar dicontohi oleh negara Islam lain pada era kini. Kejayaan yang didasari oleh iman dan takwa inilah yang bakal menghadirkan keberkatan daripada Allah SWT untuk seluruh rakyat Malaysia. Firman Allah SWT dalam al-Quran bermaksud, “Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi” (*Surah al-A’raf* 7:96).

Maka itu, usaha memandu masyarakat mendepani urusan dunia perlu dipimpin oleh golongan ilmuwan yang benar-benar memahami maqasid syariah. Golongan yang disebut sebagai fuqaha ini perlu menguasai ilmu maqasid syariah dalam segenap dimensi ijtihad. Oleh itu, ketika dunia berdepan dengan wabak COVID-19, al-Raissouni dilihat menggesa masyarakat, khususnya umat Islam agar tidak sewenang-wenangnya mengeluarkan kenyataan yang boleh memburukkan lagi keadaan. Hanya golongan fuqaha atau orang yang arif tentang isu tersebut selayaknya bercakap dan memberikan pandangan penyelesaian. **DTI**